



## **UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## **SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA DATUK  
TKSUK JPM BAGI BULAN FEBRUARI 2018**

**28 FEBRUARI 2018, 8.30 PAGI**

**AUDITORIUM JPM**

**KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI**

**PUTRAJAYA**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera, Salam Negaraku dan Salam 1Malaysia.**

Terima kasih saya ucapkan kepada saudara dan saudari **Pengacara Majlis, Encik Mohd Suhaily bin Rosdi dan Puan Anith Nadirah binti Abu Bakar** serta Kumpulan Koir dan Persembahan Nasyid Khas daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dipimpin oleh **Tuan Adam bin Tumiran dan Encik Mohd Bukhari bin Jusoff.**

**Yang Amat Arif Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim,**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia selaku tuan rumah bersama bagi perhimpunan kita pada pagi ini;

**Yang Berbahagia Tuan Ibrahim bin Deris,**  
Pengarah/Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan juga selaku tuan rumah bersama bagi perhimpunan kita pada pagi ini;

**Yang Berusaha Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan)

**Yang Berusaha Encik Zakaria bin Shaaban**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan);

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Bahagian, Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah kerana dengan berkat dan limpah rahmatNya dapat kita bersua sekali lagi di dalam **Perhimpunan Bulanan JPM bagi bulan Februari 2018.**

Bersempena dengan **sambutan Perayaan Tahun Baru Cina yang telah disambut pada 16 Februari 2018 yang lalu.** Rasanya masih belum terlewat untuk saya ucapkan selamat tahun baru cina bagi warga JPM yang berbangsa cina. Perayaan orang cina tapi nampak gaya orang melayu pun beraya sakan juga.

## **UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan **tahniah kepada para penerima Anugerah Penjawat Cemerlang Bagi bulan Januari 2018.** Semoga pengiktirafan ini akan dijadikan motivasi

kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus komited melaksanakan tugas harian. Bagi yang belum pernah dicalonkan sebagai penerima anugerah ini, gandakan usaha, Insya Allah pada bulan-bulan yang akan datang mungkin giliran anda pula.

Tahniah juga diucapkan kepada **Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM bagi bulan Januari 2018**. Saya berharap budaya membaca dapat disemai dalam kalangan penjawat awam agar dapat mempertingkatkan daya kepimpinan, kreativiti, inovasi dan produktiviti.

**Tahniah dan syabas kepada pegawai dan kakitangan yang telah menerima surat kenaikan pangkat.** Suka saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan, kenaikan pangkat ini bukan bererti satu ganjaran semata-mata. Tetapi ia datang beersekali dengan tanggungjawab yang lebih besar dan berat.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan **selamat datang kepada warga baru JPM yang telah melaporkan diri sama ada lantikan baru dalam perkhidmatan awam mahupun yang bertukar daripada Kementerian atau Jabatan lain.** Harapan saya, tuan-tuan dan puan-puan warga baru JPM dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan-puan dengan penuh iltizam dan dedikasi bagi merealisasikan semua inisiatif yang

terkandung dalam agenda transformasi Perkhidmatan Awam. Budaya dan disiplin kerja di tempat yang lama boleh diaplikasikan di JPM sekiranya ia boleh memberi nilai tambah.

Pada masa yang sama, **saya berterima kasih dan mengucapkan selamat maju jaya kepada warga kerja JPM yang telah bertukar.** Tahniah kepada yang telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baharu. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai jua.

***Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,***

### **TAHUN 2018: TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN YANG MENGAGUMKAN**

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam amanat beliau sempena Perhimpunan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 5 Februari 2018 yang lalu telah merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam, khususnya warga JPM serta semua agensi di bawahnya yang telah berusaha untuk menjadikan tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian atau *'The Year Of Delivery'*

sebagai suatu kenyataan. Menurut beliau, pencapaian ini tidak mungkin menjadi kenyataan jika tiada hubungan dan kerjasama erat di kalangan semua penjawat awam yang merupakan tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan.

Beliau menambah, tahun 2018 yang telah beliau isytiharkan sebagai Tahun Kejayaan dan Keberhasilan Yang Mengagumkan atau '*The Year Of Success and The Year Of Impressive Result*' masih memerlukan kerjasama dan usaha keras daripada seluruh jentera pentadbiran bagi merealisasikan aspirasi tersebut. Tahun ini juga merupakan pelaksanaan kepada *roll-out* Bajet 2018 yang telah memberikan banyak keistimewaan kepada semua lapisan penjawat awam.

***Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,***

### **INISIATIF BARU KEPADA PESARA KERAJAAN**

Pada tahun 2018 ini juga banyak inisiatif baru yang merangkumi pesara-pesara kerajaan telah diumumkan. Tan Sri KSN menyatakan dalam ucapan beliau semasa Majlis Khidmat Bakti Tahun 2018 bahawa:

- 1. anak-anak pesara kerajaan boleh membeli PPA1M;**

2. **Kemudahan perubatan yang dinikmati oleh ibu bapa penjawat awam**, kini dapat terus dinikmati ibu bapa walaupun penjawat awam berkenaan sudah bersara;
3. Inisiatif **1Malaysia Civil Service Retirement Support** atau lebih dikenali sebagai 1Pesara yang merupakan satu bentuk platform perkhidmatan yang mengambil kira keperluan pesara berdasarkan kepada empat teras utama iaitu Kesejahteraan Pesara, Panduan Bekerja Semula, Pengurusan Kewangan & Pembangunan Keusahawanan dan Kelangsungan Kesihatan;
4. Inisiatif **Beautiful Life For Seniors (BLFS)** juga turut diwujudkan dalam memberi hebahan dan perkongsian maklumat kepada warga emas agar terus produktif dalam menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui lima bidang fokus utama. Ia merangkumi, kesejahteraan pesara, advokasi kesihatan dan kecergasan, kesukarelawanan, pengurusan kewangan dan pembangunan usahawan serta bimbingan pekerjaan baharu-bekerja semula; dan
5. inisiatif **Seniors Volunteering Programme (SVP)** juga telah diperkenalkan di bawah iM4U dalam membawa warga emas sebagai ahli sukarelawan untuk membantu komuniti

masyarakat dengan aktiviti-aktiviti dan program kemasyarakatan yang memberi impak tinggi kepada rakyat.

***Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,***

## **MAQASID SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN**

Tema kita pada pagi ini "**SYARIAH PEMANGKIN KHAIRA UMMAH**" dan itulah antara wadah yang dibawa dalam sistem pentadbiran di Malaysia. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abd Aziz didalam penulisan beliau yang bertajuk Maqasid Al-Syariah Dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal menyebut: "*Hubungan perlembagaan dengan maqasid al-syariah dipercayai mempunyai hubungan yang amat berkait rapat. Maqasid al-syariah merupakan tujuan luhur pensyariaan hukum-hakam Islam yang menjamin lima kepentingan manusia secara sejagat, manakala perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara merupakan ibu atau rujukan kepada segala perundangan dan polisi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, warganegara atau sesiapa sahaja, dan kesejahteraan negara*".

***Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,***



## **MAQASID SYARIAH DAN PENTADBIRAN NEGARA**

Secara umumnya sistem pentadbiran dalam sesebuah negara menepati maqasid Syariah. Setiap keputusan yang dibuat oleh kerajaan pastinya bermaksud memberi masalah kepada rakyat dan menolak mafsadah (kerosakan) daripada berlaku. Hal ini bertepatan dengan kaedah fekah yang bermaksud "*Tindak tanduk imam (pemerintah) terhadap rakyatnya hendaklah didasarkan kepada masalah*".

Bahkan, **sistem pentadbiran turut diukur dengan Indeks Syariah** yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 10 Februari 2015 yang lalu.

*Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,*

## **APLIKASI SYARIAH DALAM PENTADBIRAN MALAYSIA**

Di Malaysia, **Syariah sememangnya diiktiraf dan digunakan.** Jika dilihat pada **Perlembagaan Persekutuan** yang merupakan ibu segala undang-undang di Malaysia sendiri memartabatkan Islam melalui **Artikel 3** serta peruntukan khusus terhadap pelaksanaan Islam di **Malaysia**. Justeru, tertubuhlah Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Usaha memartabatkan Syariah tidak terhenti begitu sahaja. Sehubungan itu, **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Ogos 2017 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah** yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dan yang terkini, penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan yang menjadi tuan rumah bersama buat kali pertamanya dalam penganjuran perhimpunan bulanan ini.

**Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan melalui waran perjawatan bil.A 277 Tahun 2016** yang memperuntukkan 36 jawatan di Wilayah Persekutuan termasuk 3 jawatan di cawangan Labuan.

**Usaha penubuhan jabatan ini bermula dari hasrat perdana menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak**

**dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-51 pada 25 Mei 2010** supaya Bahagian Pendakwaan Syariah di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dijadikan sebuah jabatan tersendiri dan berasingan daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Sebenarnya **langkah pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah dan pewujudan sebuah jabatan baharu adalah selaras dengan agenda dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP)** yang mensasarkan objektifnya untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggung jawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat.

Melalui beberapa objektif penubuhan jabatan ini iaitu **menyelesaikan isu doktrin pengasingan kuasa di antara kuasa perundangan, kehakiman dan eksekutif**, maka **pada 1 November 2106, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENS WP) ditubuhkan dan bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri**. Buat masa ini JAPENS WP beribu pejabat di Kompleks Pusat Islam Jalan Perdana, Kuala Lumpur dan sedang dalam proses perpindahan ke ruang pejabat baharu di Kompleks Islam Putrajaya di Presint 3, inshaAllah dijangka berpindah ke sana seawal bulan Oktober tahun ini.

Antara objektif lain penubuhan JAPENS WP adalah **untuk memantapkan kedudukan institusi perundangan Syariah di Malaysia, mempertingkatkan imej, kecekapan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan peningkatan kadar jenayah Syariah di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan.**

Justeru, pemakluman berkenaan pewujudan JAPENS WP pada hari ini adalah menepati tema perhimpunan kita pada kali ini iaitu “SYARIAH PEMANGKIN KHAYRA UMMAH”. Diharap dengan tertubuhnya Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan dapat membantu mengharmonikan dan mensejahterakan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan.

## **PENUTUP**

Bagi mengakhiri ucapan, **saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan** selaku pihak penganjur bersama dan semua yang terlibat dalam menjayakan program perhimpunan pagi ini dan juga kepada semua yang telah hadir.

Semoga kita semua beroleh manfaat dan ilmu yang baharu melalui perhimpunan pada pagi ini. Insya Allah kita berjumpa lagi di masa dan waktu yang akan datang.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.